

01/05/1997

Anwar umum nama MB Selangor?

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara berseloroh meminta media massa bertanya kepada Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung pelantikan Menteri Besar Selangor.

Menurut Perdana Menteri, mulai esok, Anwar akan mengambil alih tugas kerana beliau akan berlepas ke Malawi untuk lawatan rasmi hingga Sabtu ini.

Ketika ditanya siapakah calon Menteri Besar, Perdana Menteri berkata: "Tak tahulah, tanya dia (sambil menunjuk kepada Anwar yang berada di sebelahnya). Mulai esok, beliau akan in charge, jadi tanya dia."

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar yang turut dihadiri wartawan asing selepas Dialog Kongres Kebangsaan Wawasan 2020, di Bandar Sunway di sini, hari ini.

(END)